

# Bekas guru PM Tokoh' Guru Suluh Budiman

JM 2, 1 JUN 2003

TANJUNG MALIM 20 Jun — Bekas guru kepada Perdana Menteri Datuk Sari Dr. Mahathir Mohamad iaitu Datuk Mohd. Zain Rashid, 90, hari ini menerima Anugerah Tokoh Guru Suluh Budiman sempena sambutan Hari Guru Suluh Budiman 2003 di Auditorium Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, hari ini.

Turut menerima anugerah tersebut ialah bekas Menteri Kanan Pendidikan Singapura, Sidek Sanif; bekas Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pendidikan, Abu Hassan Ali dan bekas Penolong Pegawai Pelajaran Terengganu, Othman Ali.

Dua lagi penerima ialah bapa kepada penggubah lagu dan penyanyi terkenal Azman dan Adnan iaitu Abu Hassan Ali dan Pangeran Setia Jaya Pange-

ran Abdul Mumin Pangeran Othman dari Brunei.

Bag-i Anugerah Suluh Budiman pula seramai 10 orang bekas guru yang menerima anugerah tersebut ialah Allahyarham Zainuddin Ismail, Datuk Abdul Fatah Hassan, Datuk Abdul Rashid Ngah,

Baharuddin Marji, Ali Yaakob, Wan Dus Mohamad, Shafie Tasi, Mohamad Said, Mohd Anis Tairan dan Abdul Rahman Salleh.

Anugerah kepada pemenang disampaikan oleh Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dr. Abdul

Rahman Abbas. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UPSI, Prof. Datuk Dr. Mohamad Noor Salleh.

Majlis sambutan Hari Guru Suluh Budiman adalah bagi tahun kedua setelah mula diperkenalkan tahun lalu.

---